KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	09.03.22	MUKA SURAT	:	28
JABATAN	:	JKPTG			

Operasi SAR dua mangsa tertimbus giat dijalankan

RUNTUHAN BATU KUARI

IPOH - Polis sudah mengenal pasti identiti dua mangsa yang yang dikhuatiri tertimbus dalam kejadian runtuhan batu kuari di Keramat Pulai, Jalan Simpang Pulai - Cameron Highlands di sini pada Selasa.

Usaha mencari dan menyelamat (SAR) mangsa dikenali sebagai Kheow Loo Siew Soon, 49, dan Itam Lasoh, 43, sedang giat dijalankan.

Dalam kejadian kira-kira jam 9.15 pagi itu, seorang mangsa berusia 35 tahun mengalami patah tulang kaki telah dibawa ke Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) untuk mendapatkan rawatan manakala rakannya berusia 38 tahun mengalami cedera ringan.

Ketua Polis Perak, Datuk Mior Faridalathrash Wahid berkata, operasi mengeluarkan mangsa dijangka mengambil masa antara satu atau dua hari berikutan keadaan cuaca dan faktor pergerakan tanah di lokasi kejadian.

"Kedua-dua mangsa disyaki masih berada di kawasan tanah runtuh dan kerja-kerja menyelamat telah dimulakan, namun Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Perak memaklumkan masih berlakunya pergerakan tanah di kawasan terbabit.

"Pihak JMG sedang membuat kajian sama ada usaha menyelamat pada hari ini boleh diteruskan dan punca sebenar kejadian itu masih dalam kajian," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian di sini pada Selasa.

Hadir sama, Pengarah Bomba dan Penyelamat Perak, Azmi Osman.

Mengulas lanjut, Mior Faridalathrash berkata, Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) akan tiba bagi membantu usaha mengesan mangsa terbabit.

"SMART akan bawa peralatan mereka untuk kaji pergerakan tanah. Kita tidak mahu dalam usaha menyelamatkan mangsa ini akan berlaku kecederaan kepada pasukan penyelamat.

"Kita tunggu kebenaran daripada pihak JMG dan SMART sebelum teruskan proses mengeluarkan mangsa di tempat kejadian," katanya.



Mior Faridalathrash (tengah) ketika ditemui media di lokasi kejadian.

Operasi yang bermula pada jam 9.40 pagi itu melibatkan sekitar 57 pegawai dan anggota daripada pelbagai agensi antaranya Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perak yang dibantu pasukan elit seperti Pasukan Khas Taktikal Operasi Penyelamat Malaysia (STORM), polis, JMG, Pejabat Tanah dan Galian dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Perak.